

13 MAR 1997

Tang-Singapura

LEE BERTANGGUNGJAWAB BAGI KENYATAANNYA, KATA TANG

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Tang Liang Hong, 61, ahli politik pembangkang Singapura yang mencetuskan ketegangan diplomatik antara Malaysia dan Singapura, menafikan yang beliaulah punca ketegangan itu.

Tang mendakwa yang Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew harus dipersalahkan kerana kenyataannya itu dalam affidavit samannya terhadap Tang yang menuduh Johor sebagai negeri yang terkenal dengan kejadian tembak-menembak, menyamun dan merampas kereta.

Lee tidak harus membuat kenyataan seperti itu sedangkan beliau tahu ia boleh menjejaskan hubungan dua negara jiran itu, kata beliau dalam persidangan berita yang dihadiri oleh banyak media asing.

Tang berkata, Lee harus bertanggungjawab terhadap ketegangan politik itu dan perlu menyelesaikannya sendiri.

Tang calon Parti Pekerja Singapura yang tewas dalam pilihan raya baru-baru ini telah disaman oleh Perdana Menteri Goh Chok Tong, Menteri Kanan Lee Kuan Yew dan enam lagi calon Parti Tindakan Rakyat (PAP) kerana mendakwa Tan telah melakukan kesalahan jenayah dengan memanggil mereka sebagai pembohong.

Keenam-enam anggota PAP itu ialah Menteri Alam Sekitar, Teo Chee Hean, bekas anggota Parlimen, Ching Jin Koon, dan Chin Harn Tong serta Anggota Parlimen Ow Chin Hock, Ker Sin Tze dan Seng Han Tong.

Diminta mengulas sama ada Singapura tempat yang lebih selamat untuk tinggal, Tang berkata: " Jika anda sedia tunduk ke bawah.. mungkin ya, tetapi jika anda mengangkat kepala dan mahu meluangkan pendapat ...saya rasa ia bukan tempat yang selamat kepada sesiapa yang mahu meluahkan pendapatnya,".

Ditanya berapa lama beliau akan berada di luar Singapura, Tang berkata adalah sukar bagi beliau untuk menyatakannya tetapi berkata beliau akan pulang bila masanya adalah tepat.

Tang juga kagum dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sifatnya yang terus terang dan politik matang beliau dalam mentadbir negara walaupun terpaksa berdepan dengan pembangkang. -- BERNAMA

RAM MH PR